

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VIII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG
YB. LIM SIEW KHIM**

15. Kilang-kilang haram atau tidak berlesen masih beroperasi di setiap daerah.
- (a) Senaraikan bilangan kilang yang telah mendapat lesen melalui proses pemutihan dan bilangan yang masih beroperasi tanpa lesen.
- (b) Apakah impaknya kepada sosial, trafik dan alam sekitar? Apakah usaha / tindakan oleh Kerajaan Negeri untuk menangani isu-isu yang timbul? Huraikan.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

15. (a) Senarai kilang yang masih beroperasi tanpa lesen adalah sebanyak 410 buah kilang. Senarai bilangan kilang mengikut daerah adalah seperti jadual berikut:

Daerah	Bilangan Kilang yang Beroperasi Tanpa Lesen
Timur Laut	51
Barat Daya	85
Seberang Perai Utara	102
Seberang Perai Tengah	77
Seberang Perai Selatan	95
JUMLAH	410

Proses pemutihan kilang hanya dilaksanakan di Majllis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang bermula pada 3 Januari 2018 dan akan tamat pada 2 Januari 2019. Sehingga kini tiada kilang yang memperoleh lesen melalui proses pemutihan memandangkan tempoh tamat pemutihan adalah pada 2 Januari 2019. Dalam tempoh pemutihan ini MPSP telah mengeluarkan sebanyak 111 lesen bertempoh/sementara. Kilang-kilang yang disenaraikan dalam pemutihan dikehendaki mengemukakan dokumen kepada MPSP untuk mendapatkan lessen tetap. Sekiranya kilang-kilang ini masih tidak mengemukakan dokumen lengkap selepas tamat tempoh pemutihan, pihak MPSP akan mengambil tindakan penguatkuasaan

- (b) Kesan impak kepada sosial, trafik dan alam sekitar adalah:
- (i) Masalah sosial disebabkan berlainan budaya dan cara hidup daripada lambakan pekerja warga asing
 - (ii) Pelepasan / pelupusan sisa industri tanpa melalui proses yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan jabatan/agensi teknikal.
 - (iii) Kewujudan kacau ganggu dari aspek bunyi bising, bau dan lain-lain pencemaran alam sekitar kepada penduduk setempat.
 - (iv) Risiko keselamatan kepada penduduk setempat disebabkan oleh kenderaan berat seperti lori atau treler yang keluar masuk.
 - (v) Pertambahan kesesakan lalu lintas dan kerosakan jalan raya.

Antara usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam menangani isu ini adalah seperti berikut:

- (i) Menggalakkan pemilik-pemilik kilang haram untuk menyegerakan tindakan permohonan kebenaran merancang dalam tempoh Program Pemutihan Kilang.

- (ii) Mengeluarkan lesen bertempoh/ sementara kepada kilang-kilang untuk memberi ruang kepada pengusaha kilang bagi mematuhi syarat-syarat jabatan teknikal.
- (iii) Mempermudahkan pihak kilang untuk mengemukakan pelan kebenaran merancang.